

20 MAY 2001  
Najib-Ugutan

UMNO JANGAN BIAR UGUTAN JADI AMALAN, KATA NAJIB

SEREMBAN, 20 Mei (Bernama) -- Umno tidak harus tunduk kepada ugutan anggota yang hendak keluar atau menyertai parti lain apabila tuntutan mereka tidak dilayan kerana ia boleh menjadi amalan yang sukar dibendung pada masa depan, kata Naib Presidennya Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata sekiranya Umno akur dan tunduk dengan tuntutan seumpama itu, ia akan menampakkan bahawa tidak wujudnya disiplin dalam parti itu.

"Lain kali, kalau dia tak dapat jadi apa-apa atau kita tak dapat penuhi kehendak dia, sama ada dia tak dapat kontrak atau jadi calon dan sebagainya, dia hendak menuntut keluar parti dan menyokong pihak lain...ini akan menjadi satu amalan tingkah laku yang sukar dibendung pada masa akan datang," katanya ketika ditemui selepas sesi penerangan mengenai isu-isu semasa anjuran Umno Bahagian Rasah di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mengatakan bahawa Umno tidak akan tunduk kepada sebarang ugutan oleh anggotanya yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin parti kerana terbabit dengan politik wang pada pemilihan Umno peringkat bahagian bulan lepas.

Dr Mahathir berkata sekiranya Majlis Tertinggi tunduk kepada ugutan itu, ia akan dilihat sebagai tidak serius dalam tindakannya.

Datuk Abdullah Omar yang dilucutkan jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Muar dilaporkan berkata beliau mungkin keluar parti jika rayuannya berhubung tuduhan menggunakan politik wang ditolak oleh MT.

Najib yang juga Menteri Pertahanan turut menggesa anggota Umno yang tidak dilayan kehendak dan tuntutan mereka supaya tidak membuat sesuatu yang boleh merosakkan kepentingan parti.

"Saya berharap semua pihak akur kepada saranan Presiden parti sebab kalau tidak, ia menampakkan tidak adanya disiplin dalam parti kita," katanya.

Mengenai sesi berkenaan, beliau berkata ia adalah sesi penerangan mengenai isu-isu semasa dan menjelaskan kepada anggota Umno supaya meletakkan usaha mengukuhkan parti sebagai agenda utama perjuangan.

Beliau berkata pemilihan Umno bahagian yang dijalankan bulan lepas mungkin sedikit sebanyak menjejaskan hubungan di antara calon yang bertanding dan keadaan itu perlu dipulihkan segera demi kepentingan parti.

"Yang kalah patut terima yang menang dan yang menang pula jangan pinggirkan yang kalah. Dengan ini kita tak terbahagi kepada kelompok-kelompok dalam parti," katanya.

-- BERNAMA

APG MOZ